

SURAT SETUJU TERIMA

MPC.100-14/1/23

27 November 2023

ZETTASOLUTIONS SDN BHD

17-3, Jalan Mesra Niaga,
Taman Mesra, Batu 13,
Jalan Cheras, Ulu Langat,
43000, Kajang, Selangor
(U/P: EN. BADRUL HISYAM MOHAMAD)

Tuan,

PELANTIKAN PEMBEKAL BAGI MEMBANGUNKAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN AKADEMI DALAM INDUSTRI (ACADEMY IN INDUSTRY) Ail

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju melantik Zettasolutions Sdn Bhd bagi melaksanakan Perkhidmatan Membangunkan Semula Sistem Pengurusan Akademi Dalam Industri (Academy In Industry) Ail dengan nilai kontrak sebanyak **Ringgit Malaysia Empat Puluh Lapan Ribu Sembilan Ratus Ringgit sahaja (RM 48,900.00)**.

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara MPC dengan syarikat Tuan. Jadual di bawah adalah jadual pembayaran sebagai rujukan:

Jadual Pembayaran:

BIL	TAJUK PROGRAM	JUMLAH KESELURUHAN
1.	PELANTIKAN PEMBEKAL BAGI MEMBANGUNKAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN AKADEMI DALAM INDUSTRI (ACADEMY IN INDUSTRY) Ail	RM 48,900.00

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat Tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Pihak Tuan juga dikehendaki membekalkan perkhidmatan seperti yang telah dinyatakan di dalam spesifikasi teknikal sebut harga. Kod sumber bagi pembangunan sistem ini hendaklah dikongsi secara keseluruhannya dengan pihak MPC. Sekiranya syarikat Tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD).

4. Syarikat Tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a. Syarikat Tuan gagal mematuhi terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b. Syarikat Tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akaun Pembida Berjaya;
- c. Syarikat Tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- d. Syarikat Tuan membenarkan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- e. Syarikat Tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- f. Syarikat Tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- g. Syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Lampiran A;
- h. Syarikat Tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga;
- i. Syarikat Tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- j. Syarikat Tuan digulungkan;
- k. Syarikat Tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- l. Syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau Service Level Agreement;
- m. Syarikat Tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa;atau
- n. Terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat Tuan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Bersama-sama Surat ini disertakan **Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat** seperti di **Lampiran B dan Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat Tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

7. Surat ini dihantar kepada syarikat Tuan dalam tiga (3) salinan. **Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat Tuan dan saksi syarikat Tuan tidak melebihi 7 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.** Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan MPC tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat Tuan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAHID ISMAIL)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN
YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC.100-14/1/23 bertarikh dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung Surat ini telah dikenakan.

.....

Tandatangan Pembekal

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

Tarikh:.....

Tarikh:.....

Meterai atau Cop Perunding

Tarikh:

**potong mana yang tidak berkenaan*